

# KEPERLUAN KEPENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJIAN KETAMADUNAN

Prof. Madya Dr. Yaacob bin Yusoff Awang & Che Bakar Che Mat  
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan

## ABSTRAK

Islam telah memberi sumbangan yang besar terhadap kemajuan manusia berdasarkan kepada tamadun yang telah dicapai selama beberapa abad. Tamadun yang dibina adalah hasil dari sumbangan para sarjana yang telah menggarap ilmu yang tinggi hasil dari sistem pendidikan yang telah dilalui. Islam telah menekankan aspek pendidikan, bukannya aspek pemindahan ilmu [*transfer of knowledge*] sebagai mana sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Kertas kerja ini akan membincangkan peri pentingnya pendekatan [approach] kependidikan Islam dalam pengajian ketamadunan. Kependidikan Islam menekankan aspek nilai kemanusiaan serta menjuruskan manusia menjadi hamba yang bersifat *rabbani* yang menjalankan fungsi sebagai khalifah Allah di muka bumi. Tamadun sesuatu bangsa akan terbentuk berdasarkan acuan yang telah ditentukan. Nilai-nilai masyarakat mesti dibentuk oleh sistem pendidikan yang ampuh. Kertas ini akan mencadangkan beberapa strategi pengajaran yang dijangka lebih berkesan dari yang sedia ada untuk menghadapi pasca modernism dan mengisi konsep masyarakat madani.

## A. Pendahuluan

Pendidikan merupakan suatu aspek yang sangat dititik beratkan oleh Islam. Ia tergambar dalam bentuk ayat pertama al-Quran yang diturunkan. Lebih jelas lagi ialah pemaparan yang dibuat oleh al-Ghazali di dalam kitab *Ihya' Ulmuddinnya* khususnya dalam bab '*kitab al-Ilmu*' [Kitab / Bab ilmu]. Pendidikan bukan sekadar pemindahan maklumat dari seorang guru kepada murid bahkan ia merupakan suatu proses untuk membentuk insan yang cemerlang menurut kacamata atau ajaran Islam. Kecemerlangan di dalam Islam mempunyai perspektif yang berbeza berbanding dengan Barat. Individu yang cemerlang adalah individu yang dapat melaksanakan tugasnya sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam iaitu sebagai hamba dan juga sebagai Khalifah Allah dalam erti yang dihuraikan oleh praktikaliti Rasulullah [s.a.w.], para sahabat dan para ulamak-ulamak pewaris Rasul. Setiap individu yang berjaya menjalankan fungsi di atas dengan baik akan disebut

sebagai *insan rabbani*. Untuk mencapai tahap sedemikian, maka sistem pendidikan juga tatarcara pengajaran mestilah berteraskan apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah [s.a.w].

Sistem pendidikan di dalam Islam menekankan aspek pembangunan Insan. Pembangunan insan bermaksud manusia dibangunkan dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya . Setiap manusia dijadikan dengan komposisi yang sama iatu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pendidikan Islam menekankan bahawa ke empat-empat eleman tersebut mestilah dibangunkan secara bersepadu. Pengabaian terhadap salah satu dari aspek di atas akan menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam masyarakat.

Pembangunan Jasmani - individu yang memiliki tubuh badan yang sihat, kemas dan segar.

Pembangunan Emosi - memiliki emosi yang seimbang dan stabil. Emosi yang dapat disesuaikan mengikut keperluan masa dan keadaan. Tidak berlaku “perasaan mengatasi kewarasan ”

Pembangunan Rohani - wujudnya manusia yg baik dalam etikata yg luas. Baik dalam hubungan menegak dan melintang (vertical and horizontal) iaitu hubungan dengan Allah dan juga sesama manusia.

Pembangunan Intelek – wujudnya individu yang memiliki kecerdikan, kecerdasan dan kewarasan akal. Keintelektualan yang tinggi ini amatlah diperlukan kerana dari sinilah akan lahirnya sifat berwawasan, dedikasi, inovatif, proaktif dll yang amat diperlukan oleh dunia hari ini.

Kesepaduan ke empat-empat aspek di atas memungkinkan kewujudan sifat “bijaksana” sebagai sifat Rasulullah [s.a.w.] dalam erti kata yang menyeluruh bukan sekadar kecerdikan akal sahaja. Apa yang berlaku kini ialah kelahiran manusia yang `cerdik” sebagai hasil dari sistem pendidikan sekular. Aspek kecerdikan tanpa disepadukan dengan aspek lain akan menyebabkan berlakunya fenomena-fenomena jenayah kolar putih, skandal, gejala sosial dan lain-lain secara berleluasa termasuk juga di kampus, iaitu institusi yang menjana pendidikan itu sendiri.

Kertas ini percaya bahawa apabila manusia rabbani berjaya dibentuk, maka pembangunan kebendaan akan berjalan dengan baik selaras dengan tugas manusia sebagai khalifah. Apakah pendidikan dalam matapelajaran Tamadun itu dapat menyumbang ke arah sedemikian. Al-Quran menyebut [bermaksud]:

*Sesungguhnya mereka yang [berterusan] takutkan Allah dari kalangan hambaNya adalah mereka yang berilmu [Ulamak] (Fathir : 23)*

Fenomena ini menampakkan perkembangan sebaliknya, di mana mereka yang dianggap berilmu merasakan tidak perlu lagi pergantungannya kepada Allah [s.w.t.]. Apakah fenomena ini menunjukkan ketidaktepatan al-Quran [*nauzubillah*] atau kesilapan sistem pendidikan Islam itu sendiri.

## **B. Sektor Pendidikan Dalam Tamadun Islam dan Perubahan Kebaratan .**

Persoalan di atas tidak perlu dihurai panjang oleh fakta-fakta institusi dan bidang-bidang ilmunya. Ia cukup dinyatakan betapa aspek pendidikan Islam di bawah naungan negara dan masyarakat Islam begitu luas dan cemerlang dengan ciri-ciri yang tidak pernah wujud dalam sejarah dunia. Selama berabad-abad Tamadun Islam telah mencipta *the Golden Age* yang kemudiannya menerangi Barat yang berada dalam *the Dark age of Europe* sebegitu lama. Pendidikan dalam tamadun Islam juga bersifat sentisis di mana ia mengadunkan ilmu dari berbagai tamadun seterusnya menghasilkan ilmu baru Islam, seperti bidang-bidang sains dan teknologi serta lain-lainnya.

Kemajuan ilmu bukan sahaja secara retorik dan konsep-konsep, malah melalui pola empirikalnya. Islam telah membentuk institusi-institusi seperti perpustakaan, hospital, pusat cerapan astronomi dan lain-lain. Kolej-kolej dan universiti menyeluruh ke kawasan-kawasan pemerintahan Islam dari sekecil-kecil institusi seperti *kuttab*, *madrasah* dan *makatib* hinggalah universiti al-Azhar dan lain-lain[ *Untuk maklumat lanjut, sila lihat Shalaby, Sejarah Pendidikan Islam [terjemahan] Pustaka Nasional 1976*].

Kemajuan pendidikan secara Islam ini kemudiannya diubah oleh pola-pola penjajahan yang membentuk paradigma 'Euro-centric' hinggalah banyak akreditasi yang sepatutnya diberikan kepada Islam akhirnya beralih menjadi kepunyaan Barat. Tamadun Islam disisih menjadi matapelajaran agama Islam semata-mata. Tokoh-totok Islam dipaparkan dengan nama-nama Barat yang mengelirukan. Ketokohan-ketokohan ketamadunan dunia dinobatkan kepada tokoh-tokoh Barat, walau pun mereka sendiri mewarisinya dari ulamak- ulamak Islam.

Penjajahan dan dominasi kerakusan politik Barat membuatkan negara-negara jajahan mereka seperti negara-negara komonwel misalnya menukarkan paksi keilmuannya kepada paradigma Barat. Sekolah-sekolah keInggerisan menjadi sekolah-sekolah elit yang melahirkan penguasa-penguasa yang bercara hidup kebaratan. Pada masa yang sama, Barat dengan dedikasinya mengkaji tamadun Islam di pusat-pusat pendidikannya dengan tujuan misionari, hatta memanfaatkan kepakaran orang-orang Islam sendiri sebagai cendikiawan mereka. Universiti-universiti di Barat mempunyai unit-unit atau jabatan-jabatan malah fakulti mengenai *Middle East Studies*, *Arabic Studies*, *Oriental Studies* dan lain-lain. Malangnya pada peringkat awal mereka menamakan bidang-bidang tersebut dengan nama-nama tadi tanpa merujuk kepada Islam [*Islamic studies*].

Walau bagaimana pun, pola itu mula berubah sekarang di mana ada universiti yang mula menyebut perkataan *Islamic Studies*.

Beberapa dekad lalu masyarakat Islam merasakan kehilangan satu khazanah penting iaitu tamadun Islam yang telah disenyapkan oleh Barat. Akhirnya wujudlah matapelajaran tamadun Islam dalam konteks dan definisinya yang tersendiri.

### **C. Kependidikan Islam Dalam Pengajian Tamadun**

Sistem pendidikan dalam Islam bukan hanya menekankan aspek pemindahan maklumat dan ilmu semata-mata, bahkan ia memberi keutamaan ke arah mendidik jenerasi menjadi insan yang cemerlang. Islam menekankan aspek pendidikan insan bagi memastikan jenerasi yang terdidik mempunyai sifat dan syahsiah yang baik. Setiap manusia mestilah dididik agar menjadi manusia yang sempurna. Manusia dinamakan manusia kerana ia mempunyai sifat kemanusiaan. Sifat kemanusiaan tidak sama dengan sifat kebinatangan. Potensi yang ada pada manusia mestilah dibangunkan secara bersepadu, bukan semata-mata seimbang.

Hala tuju pendidikan Islam difokuskan untuk mencapai matlamat tersebut. Ini dapat difahami oleh istilah-istilah yang digunakan untuk memaksudkan sifat para pendidik itu sendiri. Antara yang terdapat dalam bahasa Arab seperti yang ditekankan oleh al-Ghazali [lihat Faris, N. A. (1982) iaitu :

*Murabbi* – bermaksud pembentuk tarbiyyah [pendidikan rabbani]

*Mudarris* – bermaksud pembentuk pengajian atau kematangan

*Muallim* – bermaksud pemberi ilmu [bukan maklumat semata-mata]

*Muaddib* – bermaksud pembentuk adab ,

*Murshid* – bermaksud pemberi petunjuk

Istilah-istilah tersebut cukup jelas menggambarkan maksud pendidikan dalam Islam serta apa yang harus dilakukan oleh guru-guru di atas sifat yang dinamakan sedemikian.

Setiap manusia dijadikan dari dua unsur iaitu unsur jasmani dan rohani. Di samping itu manusia juga dianugerahi dengan akal dan nafsu. Kertas ini percaya bahawa ke empat empat komponen ini (Rohani akal, emosi dan jasmani ] mestilah diseimbang dari segi konteks dan disepadukan dari sudut pendekatan. Kesepaduan unsur-unsur di atas mampu mewujudkan manusia yang sempurna dan ia menjadi matlamat sistem pendidikan dalam Islam. Pendidikan yang tidak sepadu sebagaimana acuan Barat hanya mampu mewujudkan manusia yang intelek dan cerdik tetapi tidak mampu menghasilkan manusia yang bijaksana. Kecerdikan

hanyalah terletak pada kemampuan daya fikir seseorang tetapi tidak menjamin ia menjadi seorang yang baik dan bijak [wisdom – hikmah].

Kegawatan yang berlaku pada masa kini adalah berpunca dari sistem pendidikan yang hanya menekankan beberapa aspek tertentu.

#### **D. Orientasi Pengajian Tamadun di Malaysia**

Matapelajaran tamadun Islam telah diperkenalkan dengan tujuan-tujuan tertentu hasil dari hasrat murni untuk membetulkan persepsi terhadap Islam dalam konteks semasa. Ia bukan semata-mata berupa sejarah dan kemajuan sivil, tetapi sebagai usaha untuk membawa paradigmanya sebagai asas bagi pembentukan masa depan tamadun manusia. Dalam konteks Malaysia, rasional dari menekankan matapelajaran ini boleh dilihat dari kedudukan Islam sebagai agama persekutuan [Artikel 3 Perlembagaan Malaysia] (lihat juga Ibrahim A. (1978). Ia ditambah lagi dengan kedudukan raja-raja serta pernyataan Rukun Negara yang meletakkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai rukun yang pertama. Semua agama mempunyai konsep tuhan, dan di sini tamadun Islam telah menempatkan ketuhanan Allah dengan begitu dominan di kalangan orang Melayu setelah kedatangan Islam. Melayu memasuki era baru dengan kedatangan Islam ini seperti yang ditegaskan oleh Prof. Syed Mohd Naguib al-Attas didalam tulisan-tulisannya.

Kementerian Pendidikan telah menggariskan sepuluh tujuan matapelajaran Tamadun Islam dengan penegasannya seperti mana dalam dokumen awal pelaksanaannya . Ia adalah seperti berikut:

1. *Memupuk persefahaman tulen dan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan bangsa dan budaya di negara ini.*
2. *Memperkuh falsafah dan cara hidup Malaysia yang dicapai menerusi musyawarah dan ijmak.*
3. *Memperkuhkan jatidiri Malaysia sebagai Negara majmuk yang megamalkan toleransi tinggi.*
4. *Memupuk nilai-nilai universal di kalangan rakyat Malaysia.*
5. *Melahirkan siswazah yang berfikiran luas dan berpandangan global.*
6. *Melahirkan bangsa Malaysia yang betamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni.*
7. *Memantapkan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia.*
8. *Membekalkan bakal pewaris kepimpinan Negara dengan ilmu yang membolehkan mereka memahami dan menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa.*
9. *Membantu melahirkan masyarakat Madani dalam ertikata sebenar.*

10. *Memajukan ilmu ketamadunan demi kemajuan ilmu pengetahuan seluruhnya.*

### **Penegasan**

*Pengajian tamadun Islam harus dapat dibezakan dengan pengajian Islam. Pendekatannya tidaklah berbentuk indoktrinatif atau ofensif terhadap aliran kepercayaan dan tamadun lain. Elemen-elemen tamadun lain haruslah dilihat sebagai faktor pelengkap dan pengukuh kepada tamadun Islam sendiri. Hal yang sama juga sepatutnya berlaku kepada pengajian Tamadun Asia supaya keunggulan yang wujud pada tamadun Melayu, India, Cina dan Jepun menjadi faktor penyumbang kepada usaha meningkatkan kefahaman dan rasa penghargaan terhadap sejarah kebudayaan masing-masing. [Osman Bakar 1998, Bengkel Pengajian TITAS, Universiti Malaya]*

Dari sudut pelaksanaannya, ia berupa tambahan dan penerusan kepada matapelajaran agama di peringkat rendah dan menengah. Di antara tujuan yang disebut dalam buku TITAS keluaran UM, penerbitan Fajar Bakti K.L., mengenai hal ini adalah seperti berikut:

1. Menyatupadukan masyarakat Malaysia dan **menerapkan nilai-nilai murni** yang ada pada setiap tamadun di negara kita berteraskan Tamadun Melayu.
2. Memperkenalkan pengajian **ketamadunan** di institusi pengajian tinggi bagi pemahaman dan menimbulkan rasa hormat antara kaum di Malaysia.
3. Membuka minda pelajar tentang pengajian ketamadunan dunia dan memahami aspek-aspek penting ilmu ketamadunan. Pengajian ini juga akan merintis ke arah **pemikiran global, kritis, rasional dan terbuka**.
4. Mendedahkan fikiran ke arah **persefahaman antara kaum, kasih sayang dan kemamanan sejagat**.
5. Mengisi minda ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Ini adalah saringan dari sepuluh tujuan asal yang dipetik di atas. Apa yang menarik perhatian dari tujuan-tujuan tersebut dari sudut pendidikan Islam ialah kenyataan-kenyataan ` **menerapkan nilai-nilai murni, ketamadunan, pemikiran global, kritis, rasional dan terbuka dan persefahaman antara kaum, kasih sayang dan kemamanan sejagat**.

Pengalaman mengajar penulis-penulis kertas ini menunjukkan perkara-perkara tersebut tidak benar-benar diambil kira. Para pelajar menganggap matapelajaran ini sebagai sesuatu yang tidak dalam konteks tersebut. Ia mungkin berlaku kerana kecuaiian, kealpaan atau terlepas pandang [*overlook*] para pensyarah sendiri. Kemungkinan para pensyarah melihat matapelajaran ini dari aspek ketamadunan fizikal semata-mata terutama tajuk-tajuk yang bersifat tamadun Peribumi, India, Jepun dan Cina. Haruslah diingat bahawa definisi tamadun

itu sendiri merujuk secara asasnya kepada aspek agama [kepercayaan] dan disusuli dengan nilai-nilai dan sistem. Kemajuan teknologi, perbandaran dan lain-lain adalah komplimen atau hasil dari kewujudan kepercayaan dan sistem tersebut.

Tajuk kertas kerja ini dan juga hujah-hujah yang dimuatkan di sini bukan bermakna untuk mengislamkan [dari segi akidah] para pelajar bukan Islam di Malaysia. Sebaliknya untuk menjadikan mereka memahami kedudukan Islam sebagai agama 'resmi' dan melaksanakan amalan-amalan agama mereka terutama aspek-aspek kepercayaan dan nilai-nilai di atas hak asasi mereka. Islam sendiri bersikap tidak memaksa untuk menerima Islam sebagai akidah. Firman Allah [s.w.t.] bermaksud;

*Tiada paksaan dalam agama , di mana telah jelas petunjuk dari aspek kesesatan .... [Al-Baqarah : 252]*

Konsep ini bermakna bahawa Islam tidak memaksa manusia menerima Islam sebagai agama, tetapi sejarah Rasulullah [s.a.w.] melalui perjanjian dalam Perlembagaan Madinah [*Dusturul Madinah* / perlembagaan Madinah] menawarkan kepada orang-orang bukan Islam untuk menerima nilai-nilai dan cara hidup Islam. Dengan itu keharmonian dan perpaduan akan wujud. Harus diingat bahawa Islam adalah untuk semua manusia termasuk orang bukan Islam. Ini adalah dalam aspek 'kebudayaan' dan cara hidup bernegara dan bermasyarakat. Sementara aspek 'rituals' atau keagamaman, Islam adalah khusus untuk orang-orang Islam sahaja. Dengan itu mereka yang bukan Islam akan mempunyai persamaan nilai di peringkat normatif dan amalan sistem dalam bernegara dengan orang-orang Islam. Ini akan memungkinkan kelahiran sebuah masyarakat majmuk yang harmonis.

#### **E. Cadangan Pendekatan ;**

Pengajaran tamadun Islam akan dapat memainkan peranan merealisasikan tujuan di atas dengan syarat para pensyarah atau pendidik melakukannya secara sistematis, berpola kependidikan dan bermotif normatif sedemikian. Di antara konsep dan juga teknikaliti pengajaran yang dikira dapat membantu ialah:

##### **i. Sintesis** – pengadunan nilai-nilai di mana nilai-nilai Islam adalah utama / induk dan komprehensif

Pengajaran malah penulisan bahan teks sendiri mestilah dilihat sebagai satu pakej di mana tajuk-tajuknya seharusnya berupa siri-siri yang membawa kepada rasionnya Islam sebagai mekanisma. Dalam konteks ini TITAS 2 misalnya mempunyai tajuk akhir yang merujuk kepada masa depan Asia melalui dialog. Dialog [muzakarah] adalah ajaran Islam dan menjadi tradisi orang-orang Islam sejak awal. Dengan inilah Islam telah

berkembang dan menjadi sanjungan dunia hatta orang-orang bukan Islam. Ahli-ahli sains di Baghdad [ BaitulHikmah ] misalnya terdiri dari orang-orang bukan Islam juga. Sudah tentulah mereka hidup secara nilai-nilai universal yang selari dengan Islam.

Pensyarah TITAS seharusnya merumuskan hal ini dengan baik melalui ajakan supaya para pelajar mempunyai sikap profesional bersintesis. Perbandingan bukan bemaksud mencari perbezaan atau membawa kepada pendekatan yang mana tajuk-tajuk dilihat dan dibahas secara terpisah-pisah. Islam dalam konteks dimensi budayanya [*hablum minan-nas* ] harus dilihat sebagai versi terakhir kepada agama Kristian, hatta Buddhism dan Konfucianism pun sebagaimana terbukti dari segi kronologi agama-agama tersebut. Pelajar-pelajar bukan Islam seharusnya menerima secara profesional konteks ini tanpa melibatkan persoalan ritual atau kepercayaan mereka. Lagi pun terdapat persamaan-persamaan yang banyak di antara agama-agama tersebut di peringkat atau dalam aspek normatif. Walau bagaimana pun, dengan merujuk kepada Islam sebagai agama persekutuan [Perlembagaan Persekutuan, fasal :3], maka agama-agama lain bertanggungjawab menjadi ***faktof pelengkap dan pengukuh kepada tamadun Islam itu sendiri [rujuk 'Penegasan' di atas ]***

**ii. Diagnostik** – menganalisis pemikiran pelajar tentang sikap dan tanggapan mereka.

Pensyarah matapelajaran ini seharusnya membuat sedikit penyelidikan tentang latarbelakang pelajarannya supaya beliau dapat mengetahui kedudukan pemikiran pelajar untuk dibawa berbincang dan dibentuk seutuhnya. Analisis ini akan menjadi panduan untuk pengajarannya mencapai tujuan-tujuan yang lebih realistic denan pelajar juga yang tersirat dalam konteks 'pendidikan', bukan sahaja tamadun dari perspektif kemajuan kebendaan. Keseluruhan tujuan sepuluh perkara yang disebut di atas seharusnya dipastikan dahulu tahap keadaannya di dalam pemikiran pelajar. Tiap pensyarah mungkin boleh membuat satu set tujuan yang khusus untuk pelajarannya berdasarkan analisis tadi. Dengan itu pengajarannya lebih berfokus dan berobjektif secara realistik dan semasa [current].

Tujuan-tujuan itu pula mestilah bersifat bolehukur [*measurable*] dan ini akan diukur melalui pencapaian keputusan peperiksaan mereka. Bentuk soalan-soalan pula mestilah mempunyai standard tertentu seperti teori taksonomi Bloom. Dengan itu ia membantu mencapai bukan sahaja tahap *knowledge*, juga *comprehension*, *application*, *synthesis*, ..... dan *evaluation* seperti dalam teori Bloom tadi. Pelajar-pelajar diajak berbincang dengan merujuk kepada apa yang ada dalam fikiran mereka. Dengan itu pelajar akan ***dapat memperkukuhkan falsafah dan cara hidup yang dicapai melalui musyawarah dan ijmak [consensus] [lihat tujuan 2]***.

**iii. Holistik** – menyentuh perasaan, kerohanian di samping pemikiran



Pendekatan ini boleh disebut sebagai pendekatan sepadu, yang bermaksud bukan sahaja dalam konteks '*intellectual exercise*' tetapi juga menyentuh perasaan, kerohanian dan imiginasi keidealan sesuatu fakta yang dibincangkan. Ia juga harus berakhir dengan satu kesimpulan bersama oleh semua agama tentang nilai-nilai tertentu. Hujjah-hujjah perbincangan yang diberikan adalah merujuk kepada satu nilai sejagat yang didokong oleh semua agama walau pun berbeza pada tahap dasar [konseptual] dan rujukan, tetapi mempunyai persamaan pada peringkat normatif.

Kertas ini bersetuju dengan kenyataan dalam '**penegasan**' di atas yang menenkankan pengajarannya tidak bersifat indoktrinatif dan ofensif. Tetapi kertas ini berpendapat orientasinya haruslah bersifat konklusif kepada satu penegasan penerimaan nilai yang hendak diketengahkan sebagai nilai normatif bersama. Sememangnya tidak ada manfaat untuk melakukan pendekatan ofensif kerana ia tidak membentuk kematangan, kecuali membentuk sentimen yang berbahaya.. Tetapi larangan ini tidaklah boleh ketahap sehinggakan menyekat aspek perbandingan kritis. Sifat kritis akan menghasilkan kematangan, dan dengan itu pelajar akan *berfikiran luas dan berpandangan global [seperti dalam tujuan ke 5]*

**iv. Analitikal** – membuat analisis dan kesimpulan yang membentuk afektif

Pendekatan ini bermaksud untuk para pensyarah dan guru-guru malahan pelajar juga mempunyai sikap kreatif dan inovatif terhadap apa yang dipelajari. Pendekatan analitikal akan membuat terlahirnya idea-idea baru yang lebih kreatif hasil dari idea-idea atau maklumat yang sedia ada dalam tamadun tersebut. Dengan itu matapelajaan ini menghasilkan teori-teori baru atau '*new findings*' yang lebih sesuai dengan keadaan semasa khususnya masyarakat Malaysia. Dengan itu matapelajaran ini bukan sekadar fakta-fakta yang untuk dingat, malah ia menjadi bahan-bahan analisis untuk menghasilkan sesuatu.

Para pengajar seluruh institusi yang menjalankan kursus ini seharusnya mempunyai seminar atau konferensi tahunan untuk merumuskan penemuan-penemuan tersebut. Gagasan-gagasan idea baru dikemaskinikan sebagai idea tambahan dalam perspektif semasa dan futuristik. Dengan itu Malaysia akan mempunyai acuan tersendiri untuk masa depan mereka. Para graduan adalah penyokong dan 'promoter' untuk masa depan nilai-nilai dan kerangka baru tersebut dalam membina tamadun masa depan Malaysia yang bersifat majmuk. Kalau ini tidak dihiraukan, matapelajaran ini akan hanya menjadi beban [liability] dan fakta yang memberatkan, bukan asset yang membuahkan hasil dan dapatan baru. Penemuan idea-idea baru ini akan dapat *membantu melahirkan masyarakat Madani dalam ertikata sebenar [lihat tujuan ke 9]*.

**v. Applied [gunaan ]** – menghasilkan satu kepercayaan atau sikap yang akan dipraktikkan

Pendekatan-pendekatan di atas akan menjadikan matapelajaran ini bersifat gunaan bagi masa depan pelajar. Dengan itu pensyarah sepatutnya menghuraikan dalam tutorial akan aspek-aspek gunaan untuk pelajar. Dengan itu matapelajaran mestilah mempunyai sesi tutorial, walau pun statusnya adalah matapelajaran liberal. Para pensyarahnya dari seluruh institusi mestilah mempunyai tempat atau ruang [forum] untuk mencari konsensus dalam bentuk persidangan atau konferensi tahunan.

Sifat aplikatif ini amat penting bagi mencapai tujuan-tujuan yang telah digariskan. Ini akan membantu *melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni [lihat tujuan ke 6]*. Adalah mustahil tiap pensyarah berupaya menghasilkan sendirian. Jika pun berjaya, tiap rumusan gunaan tadi berkemungkinan akan mempunyai perbezaan-perbezaan. Ini akan mencetuskan ruang perbezaan yang lebih parah kerana idea-idea yang berbeza tadi dilihat sebagai sah [valid] di atas statusnya sebagai hasil perbincangan akademik. Agenda yang sebegini besar dan mempunyai tujuan yang sama adalah mustahil dicapai secara aktiviti yang berasingan.

**vi. Ketarbiyahan [educational]** - membentuk pemikiran dan komitmen tentang kekuasaan tuhan

Perkataan tarbiyah di sini merujuk kepada sifat Tuhan yang `rububiyah` iaitu yang berkuasa mengendalikan urusan pentadbiran alam. Ia bukan sekadar bersifat uluhiyyah di mana Dia disembah sebagai konsekuensi terhadap sifatnya sebagai pencipta. Tamadun Islam seharusnya mempunyai visi untuk setiap pelajar mengakui kekuasaan tuhan dan merasai tuhan adalah berkuasa dalam kehidupan mereka. Dengan itu mereka akan menjadi orang yang benar-benar beragama mengikut agama masing-masing.

Dalam konteks ini semua agama boleh memainkan peranan samada agama Islam dengan kekuasaan Allah, Hindu dengan kekuasaan Brahman, malah Kristian dengan kekuasaan God. Jika ini dapat menjadi misi di sebalik pelaksanaan matapelajaran ini, maka ia akan menjadikan matapelajaran ini mempunyai peranan kependidikan. Ia akan mempunyai dimensi rohani, bukan sekadar intelektual atau kematangan akal fikiran semata-mata. Untuk tujuan ini para pensyarah tentunya diperlukan mempunyai pengetahuan yang merentasi agama-agama lain juga. Mereka sepatutnya mempelajari `comparative religion` bukan sahaja tamadun tamadun pelbagai.

## **F. Kesimpulan**

Kertas ini amat mengharapkan keperihatinan semua warga pendidik khususnya mereka di universiti malahan menteri baru Kementerian Pendidikan Tinggi sendiri. Kalau tidak sedemikian, matapelajaran ini nanti akhirnya

tidak dianggap relevan lagi pada masa-masa akan datang. Implikasinya polarisasi kaum akan menjadi lebih parah semula. Nilai-nilai keagamaan akan disisihkan oleh nilai-nilai lain seperti nilai-nilai konsumerisme dan kematerialisme yang sedang melanda sekarang.

Perluasan yang sambil lewa mungkin tidak memberi kesan yang diharapkan. Setelah beberapa tahun pelaksanaan, sukatan ini seharusnya mempunyai semakan [*curriculum review*]. Tentu ada sesuatu yang perlu dikemaskinikan [*updating*] sesuai dengan perkembangan negara khususnya dalam pemikiran dan pola-pola hidup terutama isu-isu yang sentiasa berubah-ubah. Matapelajaran ini dapat membantu mengatasi isu-isu tersebut jika ia juga mengikut perubahan-perubahan tersebut.

### **Bibliografi**

1. Afendi, M.A. al- & N. A. Baloach, [eds] (1980) . *Curriculum and Teacher Education*, London & Jeddah : Hodder and Stoughton & King Abdul Aziz University.
2. Ashraf, S. M. A. (1985) *New Horizon in Muslim Education*. London & Cambridge: Hodder and Stoughton & King Abdul Aziz University.
3. Faris, N.A. [terjemahan] (1982) *The Book of Knowledge*. Lahore: Sh. Ahmad Ashraf.
4. Ibrahim, A. (1978) 'The position of Islam in the Constitution of Malaysia' in Suffian Lee & Trindade [eds] *Constitution of Malaysia : Its Development 1957 – 77*. Oxford : Oxford University Press
5. Islamic Academy of Cambridge (1991), *Faith as the Basis of Education in Multifaith Multi-cultural Country Discussion Document II*, Cambridge : The Islamic Academy.
6. Kerlinger, F. N. (1973) *Foundation of Behaviourial Research* [2nd ed.] New York : Holt, Rinehart & Winston.
7. Mabud, S.A. (1988) Curriculum Designing for Natural Science from an Islamic Point of View . *Muslim Education Quarterly* [5/2] pp. 19 – 33
8. Shalaby, Ahmad Prof. Dr. [1976] *Sejarah Pendidikan Islam* [terjemahan oleh H. Mukhtar Jahya & M. sanusi latief] Singapura :Pustaka Nasional

9. Ramlee Mustapha [penyunting – ketua][2003] *Pemikiran Dalam Pendidikan Ke Arah Memperkasakan Pendidikan Menurut Acuan Malaysia* , Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.